

Desak atasi isu banjir

GEORGETOWN-Sekumpulan aktivis yang mendakwa ahli NGO berkumpul di hadapan bangunan Dun bagi menyampaikan memorandum berhubung banjir kilat di negeri ini.

Kumpulan itu berkumpul sebaik sidang Dun berhenti rehat, tengah hari semalam.

Jurucakap kumpulan itu, Muhsin Abdul Latheef berkata, tujuan mereka berkumpul adalah untuk mendesak kerajaan negeri menyelesaikan segera masalah banjir kilat yang semakin meruncing.

Katanya, himpunan itu juga bertujuan mendesak kerajaan negeri mendedahkan setiap perkembangan projek mitigasi banjir selepas menerima peruntukan berjumlah RM150 juta daripada kerajaan pusat. Kumpulan itu kemudian menyerahkan memorandum kepada Exco Kerajaan Tempatan, Chow Kon Yeow.